

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA KAWASAN SABAH (RTM)  
KOTA KINABALU, SABAH

Oleh  
NORMALA BINTI RAMLI  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( PEMASARAN )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2005

2896

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039366



LI 57 FPE 4 2005



1100039366

## Laporan akhir Latihan Industri di Jabatan Penyiaran Malaysia, Sabah / Normala Ramli.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA KAWASAN  
SABAH (RTM), KOTA KINABALU SABAH**

**Oleh**

**NORMALA BINTI RAMLI  
Sarjana Muda Pengurusan  
(Pemasaran)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100039366**

### **Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya **NORMALA BINTI RAMLI (UK9210)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

aiyeng .

Nama: **NORMALA BINTI RAMLI**

Tarikh: **27 September 2005**

Disahkan Oleh: SJ

Penyelia KUSTEM  
b / p Pengurus Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
**KUSTEM**

## **DEDIKASI**

Sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri di Jabatan Penyiaran Malaysia Kawasan Sabah seperti yang telah ditetapkan, pelatih banyak memperolehi segala maklumat, tunjuk ajar dan latihan yang diberikan oleh mereka yang berkenaan. Latihan industri (PGN 4799) yang telah dijalankan infix adalah untuk memenuhi syarat wajib bagi program Sarjana Muda Pengurusan (PEMASARAN) bagi pelajar-pelajar tahun akhir semester v.

Sewaktu menjalankan latihan industri, ramai pihak yang telah membantu pelatih untuk mendapatkan maklumat dan kerjasama secara langsung mahupun tidak langsung yang mana jasa baik mereka tidak mungkin akan dapat pelatih lupakan. Dengan adanya kerjasama daripada mereka, pelatih dapat memahami perjalanan aktiviti di jabatan tersebut disamping memperolehi maklumat bagi membantu menyiapkan laporan akhir latihan industri ini. Antara pihak yang telah memberikan kerjasama, tunjuk ajar dan sumbangan adalah seperti di bawah:

### **Pegawai-pegawai dan kakitangan RTM**

- i. En. Jumat bin Engson (Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia Kawasan Sabah)
- ii. Pn. Angrick Saguman (Pengawal Perkhidmatan Am [ selaku penyelia bagi pelajar yang menjalani latihan industri])

- iii. Mr. Yong Teck Min (Pegawai Pemasaran Negeri)
- iv. Mdm. June Lai Kui Yun (Pegawai Pemasaran)
- v. En. Jali Jambolt (Pengawal Siaran Sabah FM)
- vi. Pn. Johara binti Abdullah (Pen.pengawal siaran Sabah FM)
- vii. Pn. Azizah Hj Itam (Pengawal Siaran Sabah VFM)
- viii. Pn. Parini Pawiro (Pen.pengawal Siaran Sabah VFM)
- ix. DJ-DJ Radio Sabah FM dan Sabah VFM
- x. Unit Kenderaan

### Penghargaan

Assalamualaikum W.B.T...

Pertama sekali, bersyukur saya ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya maka dapatlah saya menyiapkan laporan akhir latihan industri ini mengikut tempoh dan masa yang telah ditetapkan.

Sekalung penghargaan kepada penyelia industri iaitu En. Ahmad Rusdi bin Abdullah kerana banyak memberikan tunjuk ajar serta bimbingan yang tidak berkesudahan disamping usaha beliau yang sanggup untuk datang sendiri meninjau perkembangan anak-anak didiknya di dalam organisasi meskipun jauh di seberang laut. Sejuta ucapan terima kasih juga dihadiahkan kepada pihak RTM Sabah yang sudi menempatkan pelatih dalam organisasi tersebut dan banyak membantu pelatih dalam mencari maklumat dan pengalaman yang begitu berharga sekali.

Tidak lupa juga kepada ahli keluarga yang banyak memberikan sokongan dan bantuan sama ada dari segi kewangan dan tunjuk ajar yang mana mampu melicinkan lagi penyiapan laporan ini. Penghargaan ini juga ditujukan khas kepada Urusetia latihan industri iaitu Pn.Laila binti Mamat yang sabar melayan karenah pelatih sewaktu berurus mengenai penempatan latihan industri ini, begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam mencari dan mengemukakan idea.

Akhir sekali, pelatih sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak dalam bersama-sama membantu menyiapkan laporan akhir latihan industri ini. Semoga usaha dan jasa anda sekalian mendapat rahmat dan balasan daripada-Nya.

Sekian Terima Kasih

## PRAKATA

Latihan Industri adalah satu program atau kursus yang mana merupakan syarat wajib bagi setiap pelajar-pelajar tahun akhir untuk program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) bagi subjek PGN 4799. Kursus latihan industri ini dijalankan selama tiga bulan di organisasi-organisasi yang terpilih. Kursus ini juga sememangnya mempunyai tujuan yang utama iaitu untuk mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenarnya disamping dapat mengaplikasikan segala teori-teori yang telah dipelajari sebelumnya.

Sepanjang menjalani Latihan Industri ini, pelatih telah di tempatkan di Unit Pemasaran, Jabatan Penyiaran Malaysia Kawasan Sabah (RTM) Kota Kinabalu Sabah. Selama pelatih menjalani latihan industri di jabatan ini, pelatih telah banyak mempelajari tentang struktur pentadbiran dan aktiviti organisasi yang mana masing-masing mempunyai sistem-sistem yang tersendiri. Begitu juga seperti yang terdapat di dalam Unit Pemasaran disamping dapat berkomunikasi dengan kakitangan dan juga pegawai atasan di dalam organisasi mahupun luar organisasi.

Selain daripada itu, secara tidak langsung juga mampu membantu pelatih mengenal pasti masalah yang timbul di dalam Unit Pemasaran dan pelatih telah mencadangkan beberapa langkah atau inisiatif yang bersesuaian yang mana boleh membantu menyelesaikan mahupun mengurangkan segala masalah yang dihadapi. Dalam proses menyiapkan laporan akhir latihan industri ini juga, pihak

**pengurusan Fakulti dan Universiti juga tidak terkecuali dalam membantu pelatih menyiapkan laporan ini agar lebih bermutu dan berkualiti.**

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>Muka Surat</u>
<b>SENARAI JADUAL.....</b>	ix
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH.....</b>	xi
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF.....</b>	xii
<b>BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI</b>	
1.1 Pengenalan.....	01
1.2 Maklumat Organisasi.....	08
1.3 Carta Organisasi.....	11
1.4 Aktiviti Organisasi.....	14
1.5 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari.....	31
<b>BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH</b>	
2.1 Maklumat Jabatan Penempatan (Pemasaran).....	33
2.2 Sistem Yang Sedia Ada.....	45
2.3 Mengenalpasti Masalah.....	61
<b>2.4 Analisis Masalah dan Perbincangan Penemuan</b>	
2.4.1 Rumusan Analisis dan Perbincangan.....	63
2.4.2 Cadangan Penyelesaian.....	68
2.4.3 Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi.....	72
<b>BAB 3: PENUTUP.....</b>	80
<b>RUJUKAN.....</b>	82
<b>LAMPIRAN.....</b>	83

**SENARAI JADUAL****Muka Surat**

Jadual 1: Perkongsian waktu siaran bagi Sabah VFM.....	20
Jadual 2: Frekuensi Sabah FM dan Sabah VFM.....	21
Jadual 3: Pengenalan segmen siaran iklan.....	51
Jadual 4: Jangka masa iklan.....	51
Jadual 5: Kadar iklan spot biasa bagi iklan BM,BI Dan Cina.....	52
Jadual 6: Kadar iklan mengikut jangka masa iklan.....	52
Jadual 7: Kadar iklan rancangan tajaan biasa (60 minit)	
Bagi iklan BM, BI Dan Cina.....	53
Jadual 8: Kadar iklan rancangan tajaan biasa (30 minit)	
bagi iklan BM, BI Dan Cina.....	53
Jadual 9: Kadar iklan rancangan tajaan khas (60 minit)	
bagi iklan BM,BI Dan Cina.....	53
Jadual 10: Kadar iklan rancangan tajaan khas (30 minit)	
bagi iklan BM,BI Dan Cina.....	53
Jadual 11: Kadar pakej iklan bagi BM, BI Dan Cina.....	54
Jadual 12: Kadar iklan spot biasa bagi iklan dialek tempatan.....	54
Jadual 13: Kadar iklan mengikut jangka masa iklan	
bagi dialek tempatan.....	55
Jadual 14: Kadar iklan rancangan tajaan biasa (60 minit)	
bagi iklan pelbagai bahasa.....	55

<b>Jadual 15: Kadar iklan rancangan tajaan biasa (30 minit)</b>	
bagi iklan pelbagai bahasa.....	55
<b>Jadual 16: Kadar iklan rancangan tajaan khas (60 minit)</b>	
Bagi iklan pelbagai bahasa.....	56
<b>Jadual 17: Kadar iklan rancangan tajaan khas (30 minit)</b>	
Bagi iklan pelbagai bahasa.....	56
<b>Jadual 18: Kadar pakej iklan dialek tempatan.....</b>	56
<b>Jadual 19: Kadar iklan bagi siaran radio dari Sandakan, Tawau dan Labuan FM (stesen daerah).....</b>	57
<b>Jadual 20: Kadar iklan rancangan tajaan khas (60 minit)</b>	
Bagi stesen radio daerah.....	57

**SENARAI GAMBAR RAJAH****Muka Surat**

Rajah 1: Carta Organisasi RTM Sabah (1).....	11
Rajah 2: Carta Organisasi RTM Sabah (2).....	12
Rajah 3: Carta Organisasi Pengarah RTM.....	13
Rajah 4: Carta Organisasi Unit Pemasaran.....	13
Rajah 5: Logo Radio RTM Sabah.....	20
Rajah 6: Carta Aliran Sistem Penjadualan Radio.....	45
Rajah 7: Carta Aliran Sistem Jualan.....	48
Rajah 8: Carta Aliran Sistem Promosi.....	58

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Penyiaran Malaysia Kawasan Sabah (RTM) merupakan satu badan penyiaran Radio dan TV di bawah naungan Kementerian Penerangan Malaysia yang terletak di KM 2.4 Jalan Tuaran Kota Kinabalu dan beribu pejabat di Angkasapuri, Bukit Putra Kuala Lumpur. Mempunyai 2 bidang utama iaitu bidang Rancangan dan Kejuruteraan yang mana kedua-duanya saling memerlukan dalam bergabung tenaga untuk menghasilkan siaran radio 24 jam sehari. Jabatan penyiaran Sabah juga mempunyai objektif, misi, visi dan piagam pelanggan yang tersendiri dalam menghasilkan perkhidmatan siaran yang berkualiti kepada pendengar dan penonton khususnya di negeri Sabah.

Latihan Industri (PGN 4799) merupakan satu kursus wajib yang mesti diambil bagi setiap pelajar-pelajar tahun akhir untuk program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia yang bermula pada 21 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005 yang lepas sebagai memenuhi syarat jam kredit program. Latihan Industri yang dijalankan oleh pelatih selama 3 bulan ini mempunyai objektifnya yang tersendiri iaitu untuk memberikan pendedahan kepada para pelatih kepada situasi sebenar alam pekerjaan selepas bergraduat nanti. Latihan Industri ini juga bertujuan untuk memberikan pengalaman kepada pelatih disamping dapat mengaplikasikan teori dan konsep yang pernah dipelajari selama ini. Dalam tempoh latihan industri tersebut, pelatih telah ditempatkan di Unit Pemasaran yang mana sepanjang latihan industri ini, pelatih banyak mempelajari pelbagai sistem yang terdapat dalam Unit tersebut yang mana ianya merupakan tuggak asas atau struktur pentadbiran dan perjalanan aktiviti yang utama Unit Pemasaran di dalam Jabatan Penyiaran Sabah. Antaranya sistem Penjadualan Radio, Sistem Jualan dan Sistem Promosi.

Selain itu, latihan industri yang telah dijalankan oleh pelatih juga dapat memberikan banyak maklumat-maklumat penting berkenaan dengan Jabatan Penyiaran secara amnya dan juga berkenaan dengan Unit penempatan pelatih. Contohnya seperti selain mengenalpasti sistem yang wujud dalam unit tersebut, pelatih juga dapat melihat kelemahan atau masalah yang ada di dalam Unit. Antaranya seperti kelewatian menerima faks jadual daripada Ibu Pejabat dan adakalanya jadual yang diterima tidak mencukupi atau 'missing page'. Oleh itu, pelatih mencadangkan agar RTM Sabah sendiri yang menguruskan atau membuat jadual siaran. Ini bagi mengelakkan kejadian sedemikian berlarutan. Bagi masalah klien membatalkan iklan disaat akhir dalam sistem jualan, pelatih mencadangkan agar mengadakan perjanjian bertulis atau kontrak antara pihak RTM dengan klien supaya mereka terikat dengan peraturan dan undang-undang. Dengan adanya usaha dan langkah yang diambil bagi menangani masalah yang wujud dalam setiap unit serta usaha berterusan dalam menjadikan RTM sebagai bidang penyiaran yang berkualiti dan berdaya maju maka segala objektif RTM dapat dicapai.